

SH

# Dicekup ketika curi gamat

17/3/2019. m/s 21

## KUALA TERENGGANU

- Tindakan lima awak-awak Vietnam mencero-boh perairan negara untuk 'mencuri' hasil gamat berjaya dihidi pihak berkuasa apabila kesemua mereka ditahan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Terengganu, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, kehadiran mereka dikesan Kapal Maritim yang sedang melakukan rondaan Op Iman di Pulau Perhentian, di sini, kira-kira jam 4.13 petang.

"Ketika itu, mereka sedang memukat dan mencari gamat di lokasi dengan menggunakan peralatan khas dan mungkin faktor waktu siang menyebabkan mereka tidak cuba melarikan diri sejurus menyedari kehadiran kami.

"Hasil pemeriksaan di dalam bot, kita menjumpai hasil gamat seberat kira-kira 20 kilogram dan kita yakin hasil gamat ini akan dijual kepada sindiket gamat yang bertanggungjawab membawa dan men-



Rashidilhadi (kiri) menunjukkan sebahagian gamat yang berjaya dirampas, kelmarin.

jual gamat ke luar negara.

"Siasatan juga mendapati sindiket akan menjual gamat dengan meletakkan harga pasaran agak tinggi sehingga mencecah RM200 sekilogram jika hendak dibandingkan dengan harga tempatan yang hanya RM80 hingga RM100," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Maritim Terengganu, di sini, kelmarin.

Menurut Rashidilhadi, bot digunakan nelayan asing untuk menangkap gamat kelihatan sama seperti bot nelayan tempatan

menyebabkan kehadiran mereka agak sukar dikesan.

Dalam masa sama, Rashidilhadi berkata, lambakan spesies gamat di perairan Terengganu kerana kelebihan mempunyai banyak pulau menjadi punca nelayan asing gemar mencero-boh perairan negeri ini.

Terdahulu, pihaknya turut menahan sebuah bot nelayan Vietnam dan turut merampas hasil tangkapan laut, minyak diesel 4,590 liter, bot serta peralatan menangkap ikan pada jam 3.36 petang kelmarin.